

**HOME-BASED TEACHING AND LEARNING
THROUGH TELEGRAM APPLICATION FOR PRESCHOOL**

**POTENSI APLIKASI TELEGRAM DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH BAGI PRASEKOLAH**

LIYANA MAISARAH ISMAIL¹, NORZI MOHD YUSOFF¹ & MOHD ISA HAMZAH¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Corresponding authors: p101275@siswa.ukm.edu.my, p109366@siswa.ukm.edu.my &
isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 17 February 2021

Accepted: 28 February 2021

Published: 30 March 2021

Abstract: *Telegram application is one of the initiatives used by preschool teachers to continue teaching and learning due to the Covid-19 Pandemic. This article aims to review the potential developing of home-based teaching and learning (PdPR) using Telegram as an alternative to conventional face-to-face teaching. This application is a communication platform used in various social statuses of the community. The advantages available in this application make preschool teachers more comfortable to make it the main platform in the implementation of PdPR. The communication and collaborative elements in this application can also support the teaching and learning delivery method according to the teacher's creativity. The Telegram application is seen to be in line with three aspects of the preschool curriculum, namely content, pedagogy and assessment in line with the pillars of preschool education which promotes the application of technology and multimedia in preschool teaching and learning.*

Keywords: *Telegram, Home-based Teaching and Learning (PdPR), Preschool, Covid-19 pandemic*

Abstrak: Aplikasi Telegram merupakan salah satu inisiatif yang digunakan oleh guru prasekolah untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran akibat penularan pandemik Covid-19. Artikel ini bertujuan menyorot potensi pengembangan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) menggunakan aplikasi Telegram sebagai alternatif untuk menggantikan pengajaran secara tradisional bersemuka. Aplikasi ini merupakan platform komunikasi digunakan dalam pelbagai status sosial masyarakat. Kelebihan yang ada dalam aplikasi ini menjadikan guru prasekolah lebih selesa untuk menjadikannya sebagai platform utama dalam pelaksanaan PdPR secara atas talian. Elemen komunikasi dan kolaboratif dalam aplikasi ini juga dapat menyokong kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran mengikut kreativiti guru. Sorotan ini mendapati aplikasi Telegram sesuai dengan tiga aspek kurikulum prasekolah iaitu kandungan, pedagogi dan pentaksiran sejajar dengan tunjang

pendidikan prasekolah yang menggalakkan aplikasi teknologi dan multimedia dalam PdP prasekolah.

Kata Kunci: Telegram, Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR), Prasekolah, Pandemik Covid-19

Cite this article: Liyana Maisarah Ismail & Mohd Isa Hamzah. (2021). Potensi aplikasi telegram dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah bagi prasekolah [*Home-based teaching and learning through telegram application for preschool*]. Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(1), 58-68.

PENGENALAN

Aplikasi Telegram merupakan salah satu platform yang menjadi pilihan guru-guru prasekolah sebagai alternatif untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran norma baharu. Menurut Syed Lamsah (2020) *WhatsApp* dan Telegram menawarkan alternatif untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Penggunaan Telegram mungkin masih baharu dalam komuniti masyarakat, namun ia telah diguna luas dalam pelbagai sektor, terutamanya sektor pendidikan. Faktor ini memudahkan guru-guru prasekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) menggunakan aplikasi ini.

Telegram merupakan salah satu aplikasi mesej untuk telefon pintar yang menggantikan *Short Message Service (SMS)*. Ia merupakan aplikasi mesej lintas platform yang membolehkan kita bertukar mesej tanpa kos kerana Telegram menggunakan pakej data internet yang rendah seperti e-mel dan melayari web serta lain-lain. Aplikasi Telegram ini menggunakan sambungan 3G atau WiFi untuk komunikasi data. Dengan menggunakan Telegram, kita dapat melakukan perbualan online, berkongsi bahan, bertukar foto dan lain-lain (Siti Nor Afeeqah & Mohd Jasmy, 2017). Telegram mengandungi unsur-unsur teknologi terkini dan paparannya mirip kepada *WhatsApp*. Telegram adalah aplikasi telefon pintar yang beroperasi di hampir semua jenis peranti dan sistem operasi yang digunakan oleh pelajar pengajian tinggi dan dilihat mampu meningkat pencapaian, prestasi, maklumat pembelajaran dan motivasi dalam kumpulan kecil mahupun kumpulan yang besar (Fitfit Fitriansyah & Aryadillah, 2020).

Aplikasi Telegram dipilih setelah mengambil kira maklumat dan pengetahuan yang terbaru sesuai dengan perkembangan pesat dunia teknologi masa kini. Hal ini juga memaksa para pendidik untuk mendatangkan satu inisiatif bagi memperbaharui secara terus menerus berkaitan medium pembelajaran supaya tidak ketinggalan dengan perkembangan pesat teknologi kini. Pengajaran melalui aplikasi Telegram berpotensi untuk meningkatkan kemampuan murid menguasai hasil pembelajaran (Syed Lamsah, 2017).

Pembelajaran secara dalam talian sudah digunakan secara meluas di peringkat tinggi seperti universiti awam dan swasta. Beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan pelaksanaan PdP menggunakan platform Telegram tertumpu kepada pengajian di peringkat tinggi. Kajian mendapati aplikasi yang paling popular dalam kalangan mereka adalah *WhatsApp* dan Telegram. Mereka bersetuju penggunaan aplikasi ini melalui pembelajaran mudah alih (m-pembelajaran) membantu mereka untuk lebih memahami hasil pembelajaran, meningkatkan imej universiti, berdaya saing dan kebolehpasaran graduan (Syed Lamsah, 2020). Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan di salah sebuah kolej

komuniti di Selangor di mana 97% pelajar telah bersetuju terhadap penggunaan telegram sebagai medium pembelajaran sesuai digunakan dalam program mereka (Mohd Zainudin, 2017).

Norhafinas et al (2021) mendapati, pelajar lebih suka menggunakan Telegram ketika pembelajaran Matematik kerana Telegram menggunakan data yang rendah di samping mudah untuk merujuk dan melihat video pembelajaran berulang-ulang kali menerusi aplikasi ini. Dengan ini, jelaslah bahawa kajian terhadap potensi penggunaan Telegram dalam proses PdP di peringkat pengajian tinggi dan menengah telah diperluaskan berbanding di peringkat rendah termasuk prasekolah. Justeru, ia merupakan satu keperluan untuk meneroka potensi penggunaan Telegram sebagai platform pengajaran dan pembelajaran dalam talian dalam kalangan guru serta murid peringkat rendah dan prasekolah.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH MELALUI TELEGRAM

Pertubuhan Dunia untuk Pendidikan Awal Kanak-kanak atau OMEP mempunyai keprihatinan khusus untuk kesejahteraan kanak-kanak dengan menegaskan bahawa kanak-kanak merupakan warga negara yang harus dipertimbangkan keperluan khusus termasuklah dalam konteks pendidikan (OMEP Executive Committee, 2020). Murid prasekolah tidak harus dipinggirkan dan perlu diberi perhatian dalam proses pembelajaran bagi meneruskan pembelajaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sesuai dengan tujuan utama pendidikan prasekolah iaitu menyiapkan kanak-kanak dengan asas yang kukuh sebelum mereka masuk ke alam persekolahan formal di sekolah rendah (KPM, 2017).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah digubal dengan memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran asas serta nilai dalam enam tunjang pembelajaran iaitu komunikasi kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika serta ketrampilan diri (Nur Hazirah & Masayu, 2020). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah digunakan secara meluas dalam mengejar perkembangan dunia teknologi masa kini. Nuraimi Kamis dan Fariza Kalid (2017) melaporkan, penggunaan TMK dilihat memberi peluang kepada murid prasekolah untuk meneroka dan berfikir kreatif serta kritis, Aplikasinya dalam proses PdP memberi kesan positif kepada murid kerana mereka berpeluang melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran.

Apabila Covid-19 melanda, pembaharuan pelaksanaan PdP telah dibuat dan pembelajaran dalam talian merupakan salah satu adaptasi teknologi yang disaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM telah mengeluarkan surat rasmi pelaksanaan PdPR serta menyediakan modul PdPR untuk panduan guru-guru. PdPR adalah pengajaran dan pembelajaran secara tidak bersemuka yang boleh dijalankan di mana-mana lokasi yang bersesuaian seperti di rumah, pusat komuniti dan lain-lain. PdPR boleh dijalankan secara dalam talian, luar talian atau *off-site* secara berstruktur dan terancang (KPM, 2020). Pihak KPM telah mencadangkan beberapa pilihan kepada guru-guru untuk melaksanakan PdPR sama ada dalam talian sepenuhnya, secara *offline* dengan menggunakan modul atau pembelajaran berasaskan projek (PBL) atau gabungan antara *online* dan *offline*.

KPM juga telah menggariskan peranan guru dalam meneruskan PdPR. Antara hal yang perlu diberi perhatian adalah; 1. bahan yang disediakan mestilah mudah didapati dan

sesuai dengan tajuk pembelajaran; 2. tugas atau latihan yang diberi guru mestilah dipastikan telah sampai ke tangan murid, dan; 3. guru boleh menggunakan pelbagai kaedah dalam pentaksiran seperti melalui kuiz, lembaran kerja atau projek. Bagi menjayakan PdPR, guru hendaklah melaksanakan perbincangan dengan ibu bapa atau penjaga untuk menyokong pembelajaran murid di rumah. Kejayaan PdPR bergantung kepada peratusan penglibatan murid serta penguasaan murid terhadap isi kandungan pelajaran yang disampaikan. Maka, guru perlu merekodkan penglibatan murid dalam PdPR menggunakan kaedah yang bersesuaian (KPM 2020).

Pembelajaran dan pengajaran dalam talian merupakan proses pembelajaran online dan terjadi secara *real-time*. Terdapat dua kategori pembelajaran dalam talian iaitu segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*). Segerak bererti berlaku secara serentak. Proses pembelajaran berlaku serentak atau *real-time* antara guru dan murid. Dengan cara ini interaksi berlaku secara langsung antara guru dan murid dalam talian. Manakala, tidak segerak pula bererti tidak berlaku secara serentak iaitu murid melalui proses pembelajaran berbeza dengan guru. Murid dapat melaksanakan pembelajaran sesuai dengan jadual dan masa yang telah ditetapkan (Komang & Astini, 2020). Platform pembelajaran secara segerak antaranya *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Zoom* dan *Webex*. Manakala platform yang tidak segerak antaranya *Google Classroom*, *WhatsApp*, *Telegram* (Muniroh Hamat et al, 2020) dan banyak lagi aplikasi yang ditawarkan.

Aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* dan *Google Classroom* merupakan aplikasi yang paling banyak dimanfaatkan (Komang & Astini, 2020; Alawamleh et. al., 2020). Menurut Fadzliyah et. al. (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa *Telegram* merupakan salah satu medium yang menjadi pilihan guru novis Pendidikan Islam menyampaikan pengajaran sepanjang tempoh PKP akibat Covid-19. Kenyataan ini menunjukkan bahawa aplikasi *Telegram* menjadi pilihan guru berdasarkan beberapa kelebihan yang jelas.

POTENSI APLIKASI TELEGRAM DALAM PEMBELAJARAN PRASEKOLAH

Pada akhir 2019 dunia dikejutkan dengan penularan virus Covid-19 sekaligus memaksa guru pelbagai peringkat sama ada menengah rendah mahupun prasekolah mencari satu aplikasi yang sesuai dan memberi impak kepada murid. Justeru aplikasi *Telegram* dilihat dapat menggantikan proses pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran dalam talian sama ada secara segerak atau sebaliknya (Syed Lamsah, 2017). Dalam keadaan kurang bersedia untuk melaksanakan pembelajaran secara dalam talian, pastinya para guru terutamanya guru prasekolah menggunakan aplikasi yang mudah dan biasa digunakan oleh semua lapisan masyarakat bagi tujuan menyenangkan penyampaian pelajaran kepada murid. Sebagaimana yang diketahui, murid prasekolah memerlukan bimbingan sepenuhnya untuk aktiviti pembelajaran.

Penggunaan aplikasi ini sekaligus dapat menghubungkan guru dan murid secara dalam talian bagi meraikan penjarakan sosial yang mesti dipatuhi dalam tempoh penularan pandemik Covid-19. Terdapat dapatan kajian yang mengesahkan bahawa masalah komunikasi yang tertutup sewaktu di dalam kelas dengan kekangan masa pembelajaran yang terhad menjadikan *Telegram* sebagai alat penghubung antara pelajar dan guru sewaktu berada di luar sekolah (Kamlin & Keong, 2020). Kajian ini dilakukan sebelum berlakunya penularan pandemik

Covid-19. Maka dengan penemuan ini, aplikasi Telegram sangat sesuai dengan situasi sekarang yang memerlukan guru dan murid berada di rumah sepenuhnya untuk proses PdPR.

Penyediaan pengalaman awal kanak-kanak adalah mustahak kerana pengalaman mereka mampu mempengaruhi proses perkembangan diri dan pembelajaran mereka. Guru perlu menyediakan pembelajaran yang terancang, relevan dan menarik untuk memenuhi keperluan murid-murid ini. Melalui aplikasi Telegram, guru dapat menyampaikan isi pembelajaran dalam dua bentuk samada segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*) (Mohamed Nazul, 2020). Pembelajaran secara segerak melalui aplikasi Telegram boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada secara panggilan video secara individu atau secara berkumpulan. Manakala, secara tidak segerak, guru boleh menghantar mesej, rakaman suara atau rakaman video. Guru-guru juga boleh berkongsi gambar, audio lagu dan juga video kepada murid sebagai bahan sokongan dalam menyampaikan pengajaran. Aplikasi ini juga memudahkan guru untuk melaksanakan aktiviti dan menghantar tugas dalam pembelajaran. Guru menerima tugas dan seterusnya penilaian dan pentaksiran terhadap murid dapat dilakukan. (Fariza et. al., 2015).

Di peringkat prasekolah guru boleh memantau kemahiran membaca murid sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau asas bacaan al-Quran murid secara panggilan video. Satu kajian terhadap pelaksanaan tasmik bagi menunjukkan guru perlu menghubungi pelajar melalui platform yang lebih sesuai seperti aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* mahupun *Messenger*. (Ashraf et. al., 2020). Melalui panggilan video ini, guru dapat melihat secara terus dan pelajar berlaku jujur dalam hafalan. Kajian Anton et. al. (2019) menunjukkan sebilangan besar pelajar bersetuju bahawa objektif pembelajaran dapat disampaikan dengan jelas kepada mereka. kandungan pembelajaran yang menyokong objektif. aktiviti dan latihan membantu mereka dalam pembelajaran, topik teratur dan jangka masa kursus sesuai untuk maklumat yang disampaikan.

Semasa tempoh PKP berlangsung, guru prasekolah lebih selesa menggunakan aplikasi Telegram untuk sesi PdP. Hal ini kerana terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak mampu mengakses internet dengan stabil (Zawiah Bahrom 2020). Dapatan satu kajian terhadap guru-guru tadika Negeri Johor sebanyak 25.7% bersetuju dan 20.3% sangat setuju aplikasi Telegram merupakan medium yang sesuai dan mudah diaplikasi dalam PdPR prasekolah sepanjang PKP (Nur Hazirah & Masayu, 2020). Dengan ini, aplikasi Telegram membuktikan bahawa ianya mampu menyampaikan isi pembelajaran sama ada secara terus atau sebaliknya di segenap peringkat pendidikan.

Pendidik awal kanak-kanak diseru untuk menyahut saranan dari kerajaan untuk mempelbagaikan kaedah PdP yang berjalan dari rumah. Namun, Bouhnik & Deshen (2014) mengingatkan bahawa guru perlu berwaspada dan sensitif apabila menggunakan medium komunikasi yang pelbagai ini, kerana sesi interaktif yang tidak terkawal boleh menjejaskan emosi dan prestasi murid. Pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran sepanjang hayat (Zawiah, 2020). Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat ini adalah salah satu kemahiran utama dalam Kemahiran Abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu termasuklah murid-murid prasekolah untuk berjaya dalam abad yang mencabar ini.

ELEMEN PENDIDIKAN DALAM APLIKASI TELEGRAM

Elemen pendidikan dalam aplikasi Telegram boleh dilihat dari dua aspek yang utama iaitu komunikasi dan kolaboratif.

Komunikasi

Aplikasi media sosial dan teknologi komunikasi telah mempengaruhi proses komunikasi secara bersemuka (*face-to-face*) dan secara dalam talian (Zulkurnain et. al., 2021). Aplikasi Telegram telah berjaya membina dan menjalinkan jaringan hubungan komunikasi yang baik melalui kelebihan seperti mesej segera (*instant messaging*), multimedia interaktif, jaringan jalinan sosial (*social networking site*), dan sebagainya. Ia telah menjadi pilihan yang mendominasi penggunaan media sosial kerana aplikasi ini dapat mempercepatkan hubungan komunikasi dan berupaya menjangkau pengguna yang lain dalam sesuatu masa. (Fadzli et. al., 2015).

Elemen komunikasi yang terdapat dalam aplikasi Telegram menyokong proses pendidikan prasekolah dalam menyampaikan isi kandungan pembelajaran, aktiviti serta proses pentaksiran dalam talian. Kenyataan ini selari dengan hasil satu kajian yang menyatakan penggunaan aplikasi Telegram banyak membantu pelajar dalam menyelesaikan tugas mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab bersama-sama rakan melalui perkongsian bahan-bahan (Ikhwan Nur & Cahya Edi, 2020). Penerapan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid prasekolah berlaku secara langsung dan tidak langsung antara guru dan murid bagi mewujudkan perbincangan dan penyampaian maklumat sepanjang berlakunya proses pembelajaran.

Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif menggunakan alat kolaboratif cenderung diaplikasikan kerana aktivitiya menggabungkan kolaborasi pelajar dan penggunaan aplikasi telefon bimbit. (Kasturi & Zuraina, 2019). Elemen kolaboratif yang ditawarkan oleh aplikasi Telegram iaitu kumpulan sembang (*Group Chat*) yang digunakan untuk menghantar mesej kepada dalam jumlah yang ramai dan berkumpulan menjadikan Telegram sesuai digunakan untuk berbual di antara guru dan murid serta antara murid dengan murid dalam satu group. Aplikasi *WhatsApp* dan Telegram adalah yang paling dikenali dalam kalangan guru kerana sebelum wabak Covid-19, guru telah mempunyai komunikasi dan interaksi yang intensif berkaitan dengan pembelajaran melalui kumpulan *WhatsApp* dan Telegram (Kolang & Astini, 2020).

Dengan ini, perbincangan melalui mesej kumpulan boleh menerapkan pembelajaran secara kolaboratif antara guru dan murid serta murid dengan murid. Secara keseluruhan penggunaan Telegram sebagai media belajar perlu diperhatikan bagi meningkatkan kualiti dan tindak balas pelajar berkaitan bahan media dalam perbincangan kumpulan Telegram. Terdapat kajian mendapati pelajar berminat untuk menggunakan Telegram untuk perbincangan kumpulan, isi kandungan rangkaian dan untuk mengatasi kebosanan (Fariza Khalid et. al., 2016). Proses kolaborasi menerusi perbincangan dapat dibuat bersama guru ataupun rakan menerusi kumpulan yang dibuat dalam medium Telegram. Selain itu, menerusi Telegram

perkongsian bahan dan idea dapat dilakukan dengan ahli kumpulan. Sumber informasi sebegini penting bagi membantu pelajar untuk mengatasi sebarang isu dan permasalahan dan dapat mengembangkan pengetahuan sedia ada (Kamlin & Keong, 2020).

Dalam kajian Fitfit & Aryadillah (2020), Telegram mempunyai beberapa ciri kolaborasi. Pertama, ianya berbentuk multimedia yang memungkinkan pengguna untuk menukar video, mesej teks, gambar dan nota suara. Kemudahan interaksi mesej kumpulan mampu menampung sehingga 10,000 ahli kumpulan. Kedua, jumlah mesej yang boleh dikongsi di Telegram tidak terhad. Aplikasi ini menggunakan rancangan data internet 3G / EDGE atau Wi-Fi untuk memastikan penghantaran data berterusan ke seluruh platform. Ketiga, penglibatan *Cross Platform* iaitu, interaksi dengan peranti yang berbeza, boleh saling menghantar mesej melalui pelbagai media (mesej teks, gambar video, nota suara). Keempat, pemesejan luar talian iaitu mesej disimpan secara automatik apabila peranti mati atau di luar kawasan liputan. Kelima, percuma dan tidak ada caj yang dikenakan untuk menggunakan Telegram kerana ia menggunakan pelan data internet yang sama yang digunakan untuk melayari e-mel atau web. Ciri yang terakhir ialah pengguna Telegram tidak perlu mengingati kata laluan atau nama pengguna kerana ia berfungsi melalui nombor telefon dan berintegrasi dengan buku alamat pengguna.

Pengaruh aplikasi Telegram dilihat semakin mengatasi hubungan sosial secara bersemuka. Cara penggunaan yang mudah dan cepat menarik minat pengguna menjadikan aplikasi ini rutin harian dalam perhubungan antara komuniti dalam masyarakat hari ini. Penggunaannya kini lebih meluas dalam mengembangkan pelbagai sektor termasuk sektor pendidikan malah menjadi aplikasi yang paling popular dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

PROSES PdPr MELALUI APLIKASI TELEGRAM

Dalam melaksanakan proses pembelajaran prasekolah, terdapat tiga aspek kurikulum yang ditekankan berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang telah dikemaskini dari Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah (DSKP), (KPM, 2017). Aspek pertama ialah kandungan yang menekankan kepada penambahbaikan kandungan mengikut trend global dan tanda aras antarabangsa. Aspek yang kedua ialah pedagogi iaitu pendekatan pembelajaran mendalam, kontekstual dan berkesan seterusnya ketiga adalah pentaksiran yang memfokuskan kepada perkembangan pembelajaran murid ditaksir secara berterusan.

Berdasarkan tiga aspek ini aplikasi Telegram dilihat dapat memenuhi keperluan pra kurikulum sekolah seperti berikut;

Aspek Kandungan

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika serta sains dan teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berfikiran kritis dan kreatif serta inovatif (KPM, 2017).

Pengajaran menggunakan medium teknologi merupakan salah satu tunjang yang menjadi aspirasi dalam pendidikan prasekolah. Persekitaran kini telah menjadikan murid prasekolah sebagai generasi yang mesra dengan teknologi. Para pendidik serta ibu bapa turut memainkan peranan penting membimbing anak-anak menguasai kemahiran teknologi dari masa ke semasa (Haiza Hayati et. al., 2020). Teknologi pendidikan merupakan proses pengembangan sistem atau teknik dan menjadi alat bantu untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan. Guru-guru disarankan mempelbagaikan aktiviti menggunakan pelbagai media teknologi yang sememangnya sedang pesat berkembang dengan kemunculan pelbagai media interaktif dan permainan digital yang sesuai untuk pembelajaran kanak-kanak.

Kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran berbantuan teknologi mampu meningkatkan keyakinan pelajar untuk menguasai objektif pembelajaran serta dapat meningkatkan interaksi, komunikasi dan kerjasama penjanaan pengetahuan serta fleksibel dan mudah digunakan di samping mampu dijadikan platform untuk pembelajaran (Syed Lamsah, 2017). Penggunaan aplikasi Telegram dalam pengajaran boleh dipelbagaikan mengikut kreativiti guru sesuai dengan kemudahan yang disediakan dalam aplikasi tersebut. Isi pelajaran dapat disampaikan melalui mesej dalam bentuk ayat, bergambar, fail berbentuk *Word* atau *Portable Document Format* (PDF) serta bentuk video bagi menarik minat murid prasekolah.

Aspek Pedagogi

Aktiviti yang dirancang boleh dilaksanakan berdasarkan kreativiti guru bersesuaian dengan aras murid pra sekolah walaupun tanpa bersemuka. Pembelajaran yang diterapkan agar menjadi insan yang baik perlu selari dengan matlamat KSPK. Pendidikan awal kanak-kanak yang meliputi aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial melalui persekitaran selamat dan menyeronokkan dapat meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan konsep sendiri yang positif dalam diri kanak-kanak. Pembelajaran online menuntut pembelajaran yang berpusatkan murid (*student centered*) sepenuhnya memandangkan guru hanya menyampaikan isi. Tindakan seterusnya oleh murid sendiri. Aplikasi Telegram dilihat dapat memenuhi guru prasekolah untuk melaksanakan aktiviti PdPR menerusi arahan ringkas berpandukan gambar, video atau aktiviti bertulis melalui lembaran kerja atau modul dalam bentuk *word* atau PDF.

Terdapat kajian menunjukkan kekuatan Telegram sebagai platform pendidikan yang bermanfaat. Terdapat dapatan kajian yang menyatakan Telegram sebagai platform pembelajaran dan strategi yang dapat dipertimbangkan untuk meningkatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ke arah perubahan pedagogi positif terutamanya membentuk persekitaran tradisional ke persekitaran pembelajaran sosial dan dari bahan berasaskan teks ke bahan multimedia (Annamalai, 2017). Penggunaan teknologi dengan cara yang mudah membantu mengarahkan minat murid dalam penggunaan teknologi dalam amalan pedagogi. Telegram muncul sebagai platform untuk pembelajaran sendiri, penglibatan aktif dalam pembelajaran dan penciptaan produk yang bermakna dan bermanfaat. Konstruktivisme sosial dan yang sesuai untuk aktiviti pengajaran dan yang bermakna boleh dilakukan dengan Telegram.

Aspek Pentaksiran

Pembelajaran dalam talian tidak menghalang untuk guru-guru melakukan penilaian dan pentaksiran terhadap murid prasekolah. Ia memerlukan kreativiti guru untuk memilih kaedah pentaksiran yang sesuai dengan menggunakan aplikasi Telegram. KPM juga telah memberi beberapa cadangan dalam menjalankan pentaksiran dalam pembelajaran dalam talian. Antaranya, murid ditaksir melalui projek yang telah dibuat bersama keluarga, eksperimen, kajian kes dan lain-lain bagi memenuhi keperluan pembentukan intelektual, rohani, emosi dan jasmani. Pelaksanaan sebegini sekaligus memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. (KPM, 2017)

Pentaksiran berasaskan talian merupakan satu istilah umum yang merangkumi penggunaan komputer dan internet untuk mengukur sesuatu maklumat dan tujuan. Dapatan kajian menunjukkan tahap perspektif guru terhadap kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah tinggi (Masfarizan & Mohammed Yussof, 2020). Pentaksiran melalui aplikasi Telegram berbentuk tidak segerak atau tidak memerlukan data internet yang tinggi. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian terhadap pelajar tahfiz yang dinilai melalui aplikasi Telegram terutamanya pelajar yang berada di kawasan pedalaman dan mempunyai capaian internet yang rendah. (Ashraf et. al., 2020). Dengan ini pentaksiran terhadap murid prasekolah relevan dilakukan melalui aplikasi ini mengikut kesesuaian murid. Guru dapat menilai melalui kerja murid dalam pelbagai bentuk sama ada berbentuk modul atau lembaran kerja. Pentaksiran juga boleh dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan projek. Murid dapat menghantar hasil tugas dengan cepat walaupun dimana mereka berada. Penilaian secara segerak juga boleh dilaksanakan oleh guru melalui panggilan video. Contohnya, guru dapat melakukan pentaksiran terhadap tahap kemahiran membaca murid melalui panggilan video.

KESIMPULAN

Variasi aplikasi yang ditawarkan pada masa kini menjadi pendorong kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *online* sama ada secara segerak atau tidak segerak. Prioritinya, mestilah berdasarkan kesesuaian dari segala aspek sama ada mudah diakses, mesra pengguna dari sudut masa, tempat dan kemudahan yang disediakan. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, aplikasi Telegram dilihat sebagai satu platform yang menjadi pilihan guru-guru pelbagai peringkat samada peringkat tinggi dan peringkat menengah. Maka tidak mustahillah aplikasi ini juga sesuai dalam proses pembelajaran peringkat prasekolah kerana kemudahan dan sifatnya yang mudah diakses tanpa batasan masa dan tempat. Kemudahan yang ditawarkan melalui aplikasi Telegram dilihat memenuhi keperluan pendidikan prasekolah dalam meneruskan proses pembelajaran tidak bersemuka sepanjang pasca pandemik Covid-19.

REFERENCE

- Alawamleh, M., Al-Twait, L. M., & Al-Saht, G. R. (2020). The Effect Of Online Learning On Communication Between Instructors and Students During Covid-19 Pandemic. *Asian Education and Development Studies*.
- Anton Winarto, Wahyu Hardyanto & Sugianto. (2019). Telegram Development in Dokeos-Based E-Learning as a Learning Media to Improve Students' Motivation in Learning Physics. *Physics Communication*, 3(2).
- Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan. (2020). Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 110-116
- Fadzli Adam, Ali Marhana, Mohamed Anuar & Engku Muhammad Tajuddin. (2015). Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 12-23.
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud & Aidah Abdul Karim. (2015, October). Pemilihan Aplikasi Teknologi sebagai Medium Perkongsian Maklumat oleh Pelajar Siswazah Universiti. In *ASEAN Comparative Education Research Network Conference* (pp. 2011-2027).
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud & Mohd Khalid Mohamad Nasir. (2016). Perbandingan Penggunaan Telefon Pintar Untuk Tujuan Umum dan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Universiti. In *International Conference on Education and Regional Development* (Vol. 31).
- Fitfit Fitriansyah & Aryadillah. (2020). Penggunaan Telegram Sebagai Media Komunikasi dalam Pembelajaran Online. *Cakrawala-Jurnal Humaniora*, 20(2), 111-117.
- Haiza Hayati Baharudin, Abdul Halim Masnan & Azizah Zain. (2020). The Developments and Challenges of The Integration of Interactive Whiteboard Technology in Teaching and Learning Reading Skills for Preschool Children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 48-57.
- Ikhwan Nur Rois & Cahya Edi Setyawan. (2021). Penggunaan Aplikasi Telegram sebagai Media Pembelajaran pada Mata Pelajaran Bahasa Arab Peminatan di MAN 1 Kulon Progo. In *Proceeding of Annual International Symposium on Arabic Language, Culture and Literature* (Vol. 1, No. 1, pp. 59-68).
- Kamlin, M., & Keong, T. C. (2020). Kemampuan ICT *WhatsApp* Sebagai Medium Komunikasi Berkesan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 178-183.
- Kasturi Sivabalan & Zuraina Ali. (2019). Mobile Instant Messaging as Collaborative Tool for Language Learning. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 99-109.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025).
- Masfarizan Maslan & Mohammed Yusoff Mohd. (2020). Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Secara Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Sentul, Kuala Lumpur. In *(Webinar) Seminar Nasional Pendidikan 2020* (Vol. 1, No. 1, pp. 213-218).
- Mohamed Nazrul Ismail. (2020). Cabaran Kepimpinan Dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 1(3), 20-24.
- Mohd Zainudin Bin Jenal. (2017). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik : Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *Innovation and Invention Competition through Exhibition(iCompEx '17)*, 1-9
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. (2020). Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19. SIG : e-Learning@CS.

1(1), 23-30

- Ni Komang Suni Astini. (2020). Tantangan Dan Peluang Pemanfaatan Teknologi Informasi Dalam Pembelajaran Online Masa Covid-19. *Cetta: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(2), 241-255.
- Norhafinas Abd Latib, Mohd Nizam Edrusi & Junaidah Muhamad. (2021) Pembelajaran Matematik Secara Atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *International Journal of Modern Education (Ijmoe)*, 2(8), 91-103.
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Nuraimi Kamis & Fariza Kalid. (2017). Kekangan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah Annur*, 212-217.
- OMEP Executive Committee, World Organisation for Early Childhood Education. OMEP Position Paper: Early Childhood Education and Care in the Time of COVID-19. *IJEC* 52, 119–128 (2020). <https://doi.org/10.1007/s13158-020-00273-5>
- Siti Nor Afeeqah Md Azhar & Mohd Jasmy Abd Rahman Aplikasi Telegram Sebagai Media Pembelajaran Interaktif Secara Global. *International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity"* Universitas Ekasakti, Padang, 10 – 11 April 2017.
- Suni Astini, N. K. (2020). Tantangan Dan Peluang Pemanfaatan Teknologi Informasi Dalam Pembelajaran Online Masa Covid-19. *Cetta: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(2), 241-255. <https://doi.org/10.37329/cetta.v3i2.452>
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi *WhatsApp* dan Telegram di Universiti Swasta (Teaching and Learning Through *WhatsApp* and Telegram Application at a Private University). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 42(2), 87-97.
- Zawiah Bahrom. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 1(3). 74-85.
- Zulkurnain Hassan, Muhamad Asrul Affendi & Norazlina Musa Hassan, Z. (2021). Analisis Penerimaan Penggunaan Aplikasi Telegram Bagi Modul Latihan Penyediaan Asas (Spu 1033) di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 23-36.